

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000**

FEBRUARI 2000

RQK 354 – Amalan Profesional Ukur Bahan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

1. (a) "Juruukur Bahan hanya merupakan suatu ahli di dalam pasukan perunding binaan untuk sesuatu projek".

Bincangkan ungkapan di atas dan dengan panduan gambarajah nyatakan dengan jelas fungsi, peranan, kaitan dan hubungan pihak Juruukur Bahan dengan para perunding yang lain.

- (b) Bincangkan dengan panduan gambarajah yang relevan, bentuk struktur sesuatu firma Ukur Bahan yang mempunyai 40 kakitangan keseluruhan; anda dikehendaki mengenalpasti bahagian-bahagian firma yang dianggap utama dan/atau mustahak.

(20 MARKAH)

2. (a) "Pihak Juruukur Bahan tidak dibenarkan mengiklankan perkhidmatan-perkhidmatan mereka". Terangkan falsafah di sebalik pernyataan di atas, kaitan dengan kehendak perundangan yang relevan dan cara-cara bagaimana sesuatu firma Ukur Bahan boleh memperolehi projek-projek.

- (b) Terangkan kenapa konsep etika dan "Codes Professional Conduct" mustahak bagi seseorang profesional.

(20 MARKAH)

...2/-

3. (a) "Oleh kerana faktor-faktor kos dan kewangan merupakan perkara-perkara utama di dalam pertimbangan klien-klien industri binaan, besar kemungkinan pihak Juruukur Bahan akan mengepalai semua perunding-perunding pada masa yang akan datang".

Bincangkan, dengan memberi tumpuan terhadap kemahiran khusus yang bersabit dengan kos yang dijangka akan dimainkan peranan oleh seorang Juruukur Bahan.

- (b) Nyatakan dengan panduan gambarajah, aktiviti-aktiviti khusus perunding Juruukur Bahan di dalam proses rekabentuk dan pembinaan.

(20 MARKAH)

4. (a) Jelaskan tentang kepentingan senarai bahan (Bills of Quantities) dalam konteks pengurusan kewangan; nyatakan dengan jelas fungsi, tujuan, peranan dan keistimewaan BQ sebagai dokumen kawalan kos.

- (b) Nyatakan pendekatan sesuatu firma untuk proses penyediaan BQ; gunakan gambarajah di dalam penjelasan anda.

- (c) Secara ringkas, huraikan tentang konsep "Pre-Tender Estimate".

(20 MARKAH)

5. (a) Jelaskan tentang prosedur yang lengkap bersabit dengan proses pemanggilan, penerimaan serta laporan tender. Andaikan anda terlibat dengan suatu projek hospital swasta yang bernilai RM12 juta yang mana tender telah dipanggil secara terbuka berlandaskan BQ.

- (b) Kenapakah isu-isu bersabit dengan amanah, kejujuran, ketelusan amat penting di dalam proses tender dan bagaimanakah penglibatan seorang Juruukur Bahan boleh memastikan penyelewengan tidak berlaku?

(20 MARKAH)

6. (a) Jelaskan prosedur dan pendekatan di dalam penyediaan

- (i) Penilaian bulanan/interim
(ii) Laporan Kewangan Sulit

Secara umum, sediakan format untuk (i) dan (ii) di atas.

- (b) Bincangkan tentang konsep kawalan kos "real-time" dan kaitannya terhadap penyediaan Variation Orders (Arahan Perubahan Kerja) dan Akaun Muktamad (Final Account).

(20 MARKAH)

oooOOooo